

Program Entrepreneur Talk Mampu Lahirkan Bakal Usahawan Berjaya

Terakhir dikemaskini: Khamis, 11 Oktober 2018 16:59 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 171

Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Tweet

Share



KHAMIS, 11 OKTOBER – Program *Entrepreneur Talk* anjuran Pusat Kerjaya Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang berlangsung di Auditorium Pascasiswazah baru-baru ini mendapat sambutan menggalakkan daripada pelajar dan alumni UMS.

Pengarah Pusat Kerjaya UMS, Prof. Madya Dr. Lai Yew Meng berkata, penganjuran program itu bertujuan memberi maklumat dan pendedahan keusahawanan secara langsung

kepada peserta melalui interaktif antara peserta dan ahli panel.

“Program ini turut memberi ruang kepada alumni UMS berkongsi pengalaman, kejayaan dan cabaran dalam pembangunan keusahawanan di samping sebagai platform perbincangan untuk mengenali lebih dekat tentang keusahawanan,” katanya ketika berucap pada program berkenaan.

Dr. Lai turut menyuarakan harapan agar program sedemikian dapat dilaksanakan pada masa-masa akan datang bagi memberi peluang kepada pelajar UMS untuk menimba ilmu daripada mereka yang telah berjaya sebagai usahawan.

“Menerusi program ini, empat ahli panel telah didatangkan khas dalam satu sesi forum santai iaitu Ketua Pegawai Eksekutif G&A Group Sabah, Dato’ George Lim Su Chung; Medical Doctor Medisinar Klinik and Surgeri (Cawangan Menggatal), Dr. Moy Chun Keat (M.D); Pemilik Martial Art and Fitness Centre, Johan Julian Lee Abdullah; serta Produser dan Pengarah Filem dari Froggy Planet Sdn Bhd, Katak Chua,” jelasnya.

Program sehari itu dihadiri 130 peserta dan dikendalikan seorang moderator yang juga alumni UMS yang merupakan Pengurus Sriho Autoparts Sdn Bhd, Wong Tze Sheng.